



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**30 November 2022
05 Jamadilawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• 56 ekor penyu ditemukan mati di Terengganu
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Rahsia ikan nemo
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Harga dedak naik hampir 50%
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Mohon kerajaan turunkan harga dedak
The Star	<ul style="list-style-type: none">• January harvest for Sungai Johor mussel farm
The Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		31	30.11.2022

56 ekor penyu ditemukan mati di Terengganu

KUALA TERENGGANU: Sebanyak 56 ekor penyu ditemukan mati di negeri ini dari Januari hingga Oktober tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, jumlah kematian penyu itu meningkat berbanding 51 ekor dalam tempoh yang sama pada tahun 2021.

Menurut beliau, bangkai penyu yang mati biasanya ditemukan dalam beberapa keadaan antaranya, hanyut terperangkap dalam pukot nelayan, terdapat tali yang membelit disekeliling bangkai penyu, terdampar di

pantai dan terdapat batu yang diikat pada bangkai penyu bertujuan menenggelamkannya di dasar lautan.

Bagaimanapun, beliau berkata, tiada bukti khusus yang boleh mengaitkan kematian penyu itu disebabkan pukot pari atau pukot malas yang digunakan nelayan namun menegaskan kematian adalah disebabkan perbuatan khianat manusia.

Oleh itu, katanya, kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Perikanan sentiasa melaksanakan beberapa operasi penguatkuasaan pukot pari dan sepanjang tahun ini, sebanyak 37 pukot pari dirampas di Pengkalan Nelayan Daerah Kemaman dan Dungun.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			26	30.11.2022

Mohon kerajaan turunkan harga dedak

Penternak ikan air tawar tanggung kos yang tinggi berikutan harga dedak yang melambung naik sejak awal tahun

GUA MUSANG

Pengusaha ikan air tawar di daerah ini berharap kerajaan dapat memberi perhatian kepada masalah harga dedak yang meningkat mendadak sejak awal tahun ini.

Seorang pengusaha Mat Nawi Hussin, 63, berkata, permintaan terhadap ikan patin, kelah, tilapia, tong-san dan lampam krai yang diusahakannya mendapat permintaan setiap hari, namun hasil jualan masih tidak dapat mengimbangi kos perbelanjaan yang dikeluarkan.

"Meskipun setiap minggu saya dapat menjual ikan kelah yang harganya mencecah RM500 bagi ikan betina yang berat dua kilogram (kg) ke atas, hasil keuntungan masih tidak memberangsangkan kerana kenaikan harga dedak yang mendadak sejak awal tahun ini, harga biasa bagi satu beg makanan seberat 20kg ialah RM54, namun naik mendadak kepada RM95.

"Saya mula menternak sejak 1993, memang ada kenaikan harga dedak tetapi tidaklah terlalu ketara,



Sinar ms 26

Penternak ikan air tawar Mat Nawi Hussin, 63, memantau ikan-ikan peliharaan yang diusahakannya sejak 1993 ketika ditemui di kolam ternakannya di Lelan Jaya, Gua Musang, pada Selasa.

namun semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020 hingga sekarang, saya rasa amat terbeban memandangkan ia makanan yang wajib dibekalkan kepada ternakan untuk dapatkan protein dan nutrisi yang mencukupi," katanya ketika ditemui pemberita di kolam ternakannya di Lelan Jaya, di sini pada Selasa.

Mat Nawi berkata, dia memerlukan sebanyak enam beg dedak sehari untuk kira-kira 100,000 ekor ikan ternakannya.

Namun ekoran kenaikan kos makanan itu, dia terpaksa mengurangkan kepada hanya tiga beg sehari malah menggantikannya dengan makanan sampingan lain se-

perti anak ikan, roti dan buah-buahan berikutan perbelanjaan bulanan bagi dedak mencecah RM20,000 sebulan.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan Asharun Uji berkata, pihaknya mengambil maklum berkenaan perancangan Pertubuhan Peladang Kebangsaan untuk meningkatkan sektor pertanian dan perladangan, namun pengusaha tempatan tidak seharusnya dibebankan dengan kenaikan kos bahan asas.

"Justeru langkah awal atau jangka masa terdekat, ia memerlukan tindakan segera daripada pihak kerajaan," katanya. - Bernama

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			16	30-11-2022

Penternak ikan air tawar terhimpit, tanggung kos tinggi

Harga dedak naik hampir 50%

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Rata-rata penternak ikan air tawar di kawasan luar bandar terpaksa menanggung kos yang tinggi berikutan harga dedak makanan ikan dipercayai meningkat hampir 50 peratus sejak tahun lalu.

Seorang pengusaha ternakan ikan air tawar di Kampung Lapan Jaya, di sini, Mat Nawi Hussin, 63, berkata, dia mengeluarkan belanja sebanyak RM20,000 sebulan bagi membeli dedak untuk 100,000 ekor ikan di tujuh buah kolam ternakannya.

Katanya, bagi menjimatkan kos, dia terpaksa menggantikan dedak dengan makanan sampingan lain seperti kelapa sawit, anak ikan, roti dan buah-buahan.

"Harga biasa bagi satu beg makanan seberat 20 kilogram adalah RM54, namun harganya sudah naik kepada RM95.

"Sebelum ini, saya memerlukan enam beg dedak sehari untuk ikan kelah, patin, tilapia, tongsan dan lampam kerai. Ekoran kenaikan kos, saya terpaksa mengurangkan kepada tiga beg sehari," katanya di sini semalam.

Mat Nawi yang mengusahakan penternakan ikan hampir



MAT NAWI memberi dedak kepada ikan kelah di salah sebuah daripada tujuh kolamnya di Kampung Lapan Jaya, Gua Musang semalam. – AIMUNI TUAN LAH

30 tahun lalu berkata, kenaikan kos itu memberi kesan kepada perniagaannya apabila keuntungan diperoleh hanya cukup makan dan tidak mampu menggaji pekerja.

Katanya, kenaikan mula berlaku tahun lalu sehingga Oktober lepas, malah difahamkan akan berlaku lagi kenaikan harga.

"Saya harap kerajaan dapat memberi perhatian tentang masalah dihadapi tentang kenaikan harga makanan dan dedak ternakan ini.

"Jika ia berterusan, saya bimbang lebih ramai pengusaha atau penternak gulung tikar," ujarnya. Sementara itu, Timbajan Pengerusi Dewan Perniagaan Me-

layu Malaysia negeri Kelantan, Asharun Uji berkata, pihaknya mendapati, berlaku kenaikan harga makanan ikan dan dedak haiwan ternakan di pasaran.

Katanya, langkah awal atau jangka masa terdekat memerlukan tindakan segera pihak kerajaan bagi membantu penternak terbabit.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	✓	NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		4	30-11-2022

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

THE new mussel farm at Sungai Johor is expected to produce its first batch of bivalve molluscs in January next year, says Johor Fishermen's Association (Josfa) chairman Datuk Mohamad Dolmat.

The new farm is part of the Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) and the Johor Fisheries Department's effort to increase the production of mussels in the state, he said.

"We expect the first harvest to be in January next year, as we have received reports that the farm has shown a positive sign of growth."

"However, we have yet to estimate how much it will produce because the farm is different from the one we currently have in Sungai Masai."

"The Sungai Johor (river) current is a bit stronger than Sungai Masai's, which could affect the production," he said when contacted.

Mohamad said the Sungai Johor mussel farm was in the trial phase to see if the mussels could grow to a standard size and that the seeds would stay on the mussel ropes or collector lines.

"We have placed around 10,000 mussel ropes for this trial, but since

January harvest for Sungai Johor mussel farm

Fishermen's association chairman expects lower production due to stronger river current

this is the first harvest, the amount produced would be less than the one in Sungai Masai," he elaborated.

Asked to comment on whether the Sungai Masai mussel farm would be shut down if the trial in Sungai Johor was successful, Mohamad said there was no decision on the matter yet.

"The current plan is to increase the production of mussels, so I don't think shutting down a mussel farm will be in line with that plan."

"We are also looking at other locations besides Sungai Johor and Sungai Masai to see if we can expand mussel farming to other areas in Johor," he added.

According to the Fisheries Department's data, there are 150 fishermen involved in the mussel farm in Johor Baru, with a total production of 1,296 tonnes in 2021.

There are four mussel farms in Johor Baru - Kuala Masai, Teluk Jawa, Teluk Kabung and Pasir Putih.

StarMetro previously reported that Kampung Orang Asli Kuala Masai Fishermen's Association chairman Kelah Lah had asked the state government to intervene and preserve the Sungai Masai mussel farm.

"This has been our main source of income for more than 20 years, and now there are rumours that

the mussel farm will be relocated to Tanjung Langsat," he said.

Kampung Teluk Jawa village chief Awie Mi also shared the same fears, saying they had no source of income other than harvesting mussels.

The new mussel farm is located in Sungai Johor, near Tanjung Langsat, and is able to produce about 100,000kg of mussels per year once they have fully matured.

The project was conducted in groups involving 35 fishermen from Kampung Perigi Acheh, Kampung Tanjung Langsat, Kampung Sungai Penderam, Kampung Sungai Latoh and Kong Kong Laut.



Mohamad says the Sungai Johor mussel farm is in the trial phase.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		34	30.11.2022

KUBELA

RAHSIA IKAN NEMO

FOKUS
Oleh Muhamad Razis Ismail
razia.g@reduprime.com.my

Populariti ikan ingu (clownfish) atau nama saintifiknya Amphiprion ocellaris secara tiba-tiba meningkat apabila diangkat sebagai watak utama dalam filem animasi 'Finding Nemo' pada 2003. Keunikan ikan laut masin yang mendapat julukan nemo sempena filem itu terletak pada warna oren, putih dan hitam yang ada pada seluruh badannya seolah-olah menyerupai badut.

Kebiasannya, ikan ini mudah ditemui aktif berenang di celah-celah terumbu karang yang berwarna-warni. Jadi, tidak hairan setiap kali melakukan aktiviti selam skuuba atau selam snorkel, ikan nemo antara spesies yang menjadi perhatian.

Jika dahulu untuk melihat ikan ini, perlu ke habitat aslinya iaitu di laut, namun kini ia dipelihara dalam akuarium sebagai ikan hiasan di rumah.

Pemilik ikan nemo, Muhamad Iwan Azwar, 42, mula memelihara spesies itu sejak 2012 di rumahnya di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bermula dengan hanya memiliki beberapa ekor, kini bapa tiga cahaya mata itu mempunyai 500 ikan

Semua jantina adalah jantan sehingga seekor dari kumpulan anak clownfish capai saiz dominan yang bertukar betina

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		35	30.11.2022

nemo termasuk induk dan anak ikan.

Muhamad Izwan berkata, sebelum memelihara ikan nemo, dia aktif membiak ikan betta yang pada ketika itu menjadi fenomena di negara ini.

"Kemudian saya ingin mencuba sesuatu yang baharu dengan mencabar diri memelihara dan membiak ikan air masin.

"Saya memilih ikan nemo kerana tertarik dengan warnanya yang lebih menyerlah berbanding ikan air tawar."

Menurutnya, selain memiliki warna menarik, keseronokan memelihara ikan nemo adalah kemampuannya mengenali pemiliknya.

"Apabila berada berhampiran akuarium, ia akan aktif berenang seolah-olah sedang menanti sehingga membuatkan saya leka melihatnya," katanya.

Jelasnya, ramai yang tidak mengetahui pada peringkat larva atau anak, semua jantina ikan ini adalah jantan sehingga salah sekor mencapai saiz dominan yang bertukar menjadi betina.

"Salah ikan ini boleh mencapai sehingga 10 sentimeter.

"Jangka hayat ikan ini boleh sampai sehingga 30 tahun. Saya sendiri memiliki sekor ikan nemo berusia 10 tahun yang masih aktif dan galak bertelur," katanya.

Katanya, penjagaan hidupan akuatik ini tidak begitu rumit kerana pemiliknya hanya perlu



MEMILIKI 500 ikan nemo yang dipelihara sejak 2012.



WARMA yang unik dan menarik menjadi tarikan utama kepada penuntut hidupan akuatik.

Saya memilih ikan nemo kerana tertarik dengan warnanya yang lebih menyerlah berbanding ikan air tawar.

MUHAMMAD IZWAN

kualiti air," katanya. Tambahnya, ikannya dilatih makan paler ikan air masin yang mudah didapati dengan harga berpatutan di platform e-dagang.

Kos pengasap untuk permulaan berpantang pada saiz akuarium. Kebiasaannya garam khas untuk ikan air masin tidak mahal bergantung kepada jenis lauh RM150 hingga RM300," katanya.

Muhamad Izwan berkata, proses membiakkan ikan nemo tidak mudah kerana ia menuntut kesabaran tinggi.

"Saya cuba biak ikan ini sejak 2012, hanya pada tahun kedua baru saya berjaya melakukannya."

"Banyak pantang larang dan cabaran untuk membesarkan anak ikan dan larva hingga dewasa. Selepas beberapa tahun mencuba baru saya berjaya membiakkan ikan ini tanpa masalah," katanya.

Dia mengakui tahap kesedaran masyarakat terhadap ikan ini masih kurang kerana ada yang beranggapan ia tidak boleh dipelihara sebagai ikan hiasan di rumah.

Nasihat kepada yang berminat, seseorang itu perlu menghidupkan diri dengan ikan untuk menstabilkan air masin sebelum memelihara ikan ini di rumah," katanya.

Disebabkan permintaan masa hadapan dia berharap bakal ada lokasi lebih luas dan selesa bagi menempatkan ikan nemo yang dipelihara.



MUHAMMAD Izwan dan isteri, Ammarah Kabilimbh Alias, 25, berbangsa-minang sama.



REHANGIN ikan nemo memberi ketertarikan kepada penuntutnya.

Untuk memajukan penjagaan, beliau gambar menarik, berkreasi dengan foto bersama pelaburan lebih dikongsi dengan media sosial. Beliau juga membuat video dan blog.